

PENENTUAN PERKHIDMATAN

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT

1.0 BIDANG KERJA

1.0. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU LAMPU ISYARAT DI BP 4 DAN BP 5 BAGI TAHUN 2027 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

Bidang kerja yang terlibat ialah :

1.1 Kerja-kerja Permulaan Dan Persediaan.

- a. Penyediaan Insuran Kerja
- b. Penyediaan peralatan keselamatan kerja
- c. Penyediaan Bon Perlaksanaan Kerja

1.2 Kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan dan lampu taman seperti berikut:

- a. Tenaga Kerja dan Tunggu Sedia;
- b. Penyelenggaraan Peti / Alat Kawalan;
- c. Penyelenggaraan Tiang dan Lampu Isyarat
- d. Penyelenggaraan Sistem Pengesan;
- e. Pemasangan Peti / Alat Kawalan Baru;
- f. Pemasangan Kabel;
- g. Kerja-Kerja Pengorekan dan Kekemasan;
- h. Kerja-kerja Berkaitan.

2.0 KAWASAN KERJA

Kawasan-kawasan kerja di bawah tawaran ini adalah seperti dalam senarai inventori lokasi yang disertakan, **termasuk seluruh kawasan pentadbiran MBSJ** mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

3.0 TEMPOH KONTRAK

Kontrak kerja penyelenggaraan ini berkuatkuasa untuk tempoh dua belas (12) bulan. Tarikh sebenar kontrak ini akan ditentukan seperti dalam surat tawaran.

4.0 LAWATAN DAN PEMERIKSAAN KE KAWASAN KERJA

Kontraktor hendaklah melawat serta memeriksa kawasan-kawasan penyelenggaraan dan melaporkan keadaan serta jenis kerosakan yang perlu diambil tindakan untuk diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

5.0 PEKERJA DAN PERALATAN KERJA

- 5.1 Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja termasuk **pekerja kompeten**, peralatan kenderaan dan jentera-jentera yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini dengan perbelanjaan sendiri.
- 5.2 Pekerja asing hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan Pihak Berkuasa yang berkaitan.
- 5.3 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan jentera-jentera yang dimaksudkan itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kelulusan PUSPAKOM perlu diperolehi bagi kenderaan-kenderaan perdagangan.

6.0 PERWAKILAN KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik seorang wakil yang dikenali sebagai Penyelia yang telah diberikuasa menggantikan beliau semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang telah diberi kepada wakil itu oleh Majlis hendaklah dianggap telah diterima oleh kontraktor tersebut.

7.0 PERLAKSANAAN KERJA

- 7.1 Kerja-kerja penyelenggaraan ini berjalan **24 jam setiap hari termasuk hari Ahad dan cuti Am** sekiranya diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.
- 7.2 Kontraktor hanya dibenarkan untuk melaksanakan kerja di tapak setelah mendapat arahan dari Pegawai Penguasa atau Wakilnya. Namun begitu kontraktor juga digalakkan bekerja secara konsep 'salesman' tetapi masih juga perlu memaklumkan serta mendapatkan arahan dan kebenaran kerja daripada Pegawai Penguasa dan Wakilnya.

- 7.3 Kontraktor dikehendaki memberi respon **SERTA-MERTA** terhadap aduan yang diterima dan dikehendaki menyelesaikan aduan tersebut dalam tempoh **24 jam** dari waktu aduan berkenaan diberikan. Bagi aduan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam tersebut, kontraktor hendaklah memaklumkan dan mengemukakan laporan teknikal bagi menerangkan punca kerosakan kritikal dan disahkan oleh orang kompeten. Tempoh penyelesaian maksimum adalah 3 hari dari tarikh aduan diterima.
- 7.4 Kontraktor dikehendaki melaporkan / memberi maklumbalas lisan / telefon kepada Pegawai Penguasa atau Wakil terhadap setiap kerja-kerja pembaikan yang telah selesai dilakukan di tapak.
- 7.5 Kontraktor juga dikehendaki mengemukakan Laporan Kerja Harian (mengikut format dan borang seperti yang telah diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil) bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan di tapak bersama-sama tuntutan bulanan.

8.0 **KESELAMATAN**

- 8.1 Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang kacauganggu kepada orang awam semasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di tapak.
- 8.2 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan yang secukupnya sewaktu menjalankan kerja di tapak seperti kon, pemantul cahaya dan papantanda keselamatan.
- 8.3 Kontraktor dikehendaki untuk menjamin kepentingan dan keselamatan kenderaan, orang awam dan pekerjaanya semasa menjalankan kerja. Sebarang kemalangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh kecuaiian pihak kontraktor adalah di bawah tanggungan kontraktor.
- 8.4 Semua pekerja kontraktor hendaklah memakai Vest keselamatan semasa menjalankan kerja di tapak.

9.0 **PEMBAYARAN**

- 9.1 Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada pihak Majlis dalam tempoh **30 hari** selepas tamat tempoh sebulan bagi bulan yang dituntut.
- 9.2 **Denda Lewat** (caj pemotongan) akan dikenakan kepada kontraktor sekiranya berlaku kelewatan pengemukakan tuntutan bulanan yang melebihi tempoh yang telah ditetapkan tersebut.

- 9.3 Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah selesai dijalankan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil mengikut seperti di dalam Jadual Kadar Harga.
- 9.4 Sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada jumlah yang telah dipersetujui tidak akan dilayan sekiranya kontrak ini tersalah anggar atau tersalah kira oleh pihak kontraktor.

10.0 PENAMATAN KONTRAK

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis jika pemborong didapati membuat sebarang kesalahan seperti di bawah ini :

- i. Tanpa sebarang sebab, semua kerja ditangguh sebelum tarikh penyiapan ataupun aduan-aduan tidak diselesaikan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan dan tidak mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya;
- ii. Gagal meneruskan kerja-kerja dengan sebab-sebab yang tidak munasabah.
- iii. Mengalami keadaan bankrup atau syarikat ditukar milik iaitu tidak dapat membayar hutang atau membuat tukar milik untuk kepentingan pihak peminjam atau memecahkan kontrak-kontrak kecil tanpa kebenaran.
- iv. Sekiranya kontraktor gagal mematuhi arahan kerja yang diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan, **pihak Majlis akan mengeluarkan Notis Amaran Pertama, Notis Amaran Kedua dan sekiranya masih gagal, pihak Majlis akan mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak di atas kegagalan tersebut.**
- v. Pihak Majlis juga **berhak menamatkan** kontrak pada bila-bila masa apabila didapati peruntukkan kewangan bagi kontrak tersebut telah **mencapai kos siling**. Perbelanjaan keseluruhan kos siling kontrak ini juga adalah tertakluk kepada keperluan kerja semasa di tapak dan bukan hak mutlak kontraktor.

11.0 PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Apa-apa notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantar melalui pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar Kontraktor atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dari masa ke semasa / melalui telefon / melalui faksimili. Penukaran alamat / telefon / faksimili oleh kontraktor hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penukaran.

12.0 PECAHAN KONTRAK

Sekiranya pihak kontraktor telah melanggar mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini atau gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diarahkan atau ditetapkan, Yang Dipertua boleh melantik kontraktor lain untuk melakukan kerja-kerja yang tertangguh tersebut atau yang langsung tidak dilaksanakan dan dengan itu pihak kontraktor terpaksa menanggung segala kos bagi kerja-kerja yang tertangguh itu samada dipotong daripada bayaran yang sepatutnya dibayar kepada kontraktor tersebut dan apa jua kos lebihan hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor.

13.0 SUB KONTRAK

Kontraktor tidak boleh pada bila-bila masa memajakkan (Sub Kontrak) atau melepaskan semua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain.

14.0 PEMBERSIHAN TAPAK KERJA

Kontraktor hendaklah membuat kerja-kerja pembersihan tapak termasuk pembuangan sisa-sisa penyelenggaraan alat ganti seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

15.0 MAKLUMAT KERJA

Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja ini boleh didapati daripada Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.